

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L  
ARULANANDRAM (KUALA LANGAT)**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDRAM [ KUALA LANGAT ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Bandar Saujana Putra (BSP) memerlukan balai polis memandangkan jumlah penduduk di kawasan itu sudah meningkat. Adakah balai polis akan dibina di BSP dalam masa terdekat demi keselamatan dan kesejahteraan hidup masyarakat BSP.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Pada masa ini, terdapat balai polis di Bandar Saujana Putra yang merupakan balai polis komuniti dan menggunakan perjawatan secara sandaran dari Balai Polis Sg. Jarum. Balai polis komuniti ini beroperasi di bangunan kedai milik Syarikat LBS Bina Group Berhad yang digunakan tanpa sebarang kos sewaan dikenakan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kekuatan anggota di balai polis komuniti ini adalah seramai lapan (8) orang dengan kawasan operasi seluas 3.987 km<sup>2</sup> dan jumlah penduduk seramai 27,450 orang. Berdasarkan rekod, indeks jenayah bagi sepanjang tahun 2019 di kawasan ini adalah sebanyak 22 kes manakala dari 1 Januari 2020 sehingga 30 September 2020, sebanyak 36 kes telah direkodkan.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengakui bahawa terdapat keperluan bagi mewujudkan balai polis di kawasan ini dan tindakan susulan sedang diambil serta dijangkakan perancangan projek ini akan disenaraikan dalam program pembangunan fizikal Rancangan Malaysia. Dalam masa yang sama juga, KDN perlu mematuhi penetapan dasar Kerajaan yang menggariskan perancangan sesuatu projek Balai Polis baharu perlu mempunyai perjawatan sekurang-kurangnya 20 orang sebagai asas untuk pertimbangan serta perlu mempunyai tapak tanah yang berkeluasan 5 hingga 10 ekar yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Ketetapan ini adalah berdasarkan Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015, Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi. Sehubungan itu, penyelarai dalam perancangan projek Rancangan Malaysia Ke-12 akan dibuat setelah isu perjawatan dan tapak tanah diselesaikan.